

Suarakan kepentingan negara2 sebelah sini

PM sekali lagi dilihat sebagai membuat kejutan

SEOUL 27 Dis. — semata-mata kepada Apabila Perdana pendapatan per kapita Menteri, Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad AS\$2,300. Walaupun mungkin membuat lawatan tidak ada berandaian Malaysia sebagai pemimpin dalam arena antarabangsa khususnya bagi rantau Asia Pasifik apabila menyuarakan dua perkara bagi kepentingan negara-negara sebelah sini.

Pertama meminta Jepun memainkan peranan sebagai pemimpin dalam kemajuan ekonomi negara rantau Asia Pasifik, peranan yang selama ini ramai berpendapat Jepun telah memenuhi tanggungjawabnya dan kedua meminta Jepun meminda syarat pinjaman berdasarkan

Walaupun mungkin ada berandaian Malaysia sebagai 'jaguh' negara dunia ketiga kerana menyuarakan sesuatu bagi kepentingan mereka tetapi ia seharusnya dire-Aung dari perspektif yang lebih luas.

'Kejutan' pertama tidak bererti peranan Jepun di negara Asia Pasifik tidak mencukupi tetapi ruang yang ada masih luas dan boleh dipertingkatkan.

Malangnya, tiada negara yang menyuarakannya sehinggalah Dato' Sri Dr. Mahathir memecah kesunyian, bukan hanya bagi kepentingan Malay-



ABDULLAH HASSAN

MELAPOR DARI SEOUL

sia tetapi seluruh negara Asia Pasifik di mana Jepun mempunyai peranannya.

Model

Malaysia sendiri mengakui Jepun bukan hanya dianggap sebagai rakan perdagangan dan pelabur luar yang terbesar malah telah dijadikan model untuk merangsang matlamat kemajuan ekonomi.

Jepun juga seharusnya lebih respektif kepada kejutan kedua dan sepatutnya bersedia menimbang untuk meminda syarat kelulusan pinjaman selama ini diasaskan kepada pendapatan per kapita AS\$2,300 sesebuah negara.

Kayu pengukur yang digunakan di mana negara yang mempunyai pendapatan per kapita rendah daripada AS\$2,300 sahaja yang layak menerima pinjaman (soft loans) darinya boleh dianggap sebagai satu

patan per kapita sebagai miskin mungkin wajar ketika dolar Amerika menjadi jaguh matawang dunia kerana nilainya begitu tinggi pada masa itu.

Dalam realiti hari ini, nilai AS\$2,300 tidak lagi tinggi. Keadaan bertambah buruk kerana setiap kali nilai yen naik, nilai dolar menurun dan jika Jepun terus mengamalkan takrif Bank Dunia sebagai pra syarat kelayakan mendapat pinjaman bererti takrif negara membangun sudah tidak tepat lagi.

Realiti

Apa yang dibangkitkan oleh Dato' Sri Dr. Mahathir tidak boleh diketepikan secara total dalam realiti hari ini sebagaimana Encik Miyazawa menyatakan beliau tidak pernah memikirkannya dan hanya patuh penetapan takrif Bank Dunia.

Tentu tidak salah kalau diandaikan bahawa kedua-dua kejutan yang

Seorang ahli rombongan yang turut berada di Tokyo pernah membuat perbandingan: "Walaupun kita hanya berkawal getah, berkawal bijih besi dan berkawal minyak tetapi nilainya mungkin sama apabila Jepun menghantar satu lori barangan elektronikanya."

Dengan perkataan lain, kalau Jepun terpaksa mematuhi kehendak Amerika yang tidak senang dengan EAEC kerana bimbangkan pasarannya, Jepun juga sekurang-kurangnya perlu 'mengangguk kepala' kepada keperluan negara-negara rantau Asia Pasifik.

Ini juga bererti Jepun mempunyai dua pilihan walaupun tidak dapat menerima kedua-duanya.

Tentu tidak sukar menganalisis kedudukan Jepun dalam kedua-dua 'kejutan' yang dikemukakan. Menyokong EAEC bererti Jepun mengancam pasarannya di Amerika dan memahami hakikat itu, Malaysia memberi laluan lencongan untuk meningkatkan peranan sebagai pemimpin kemajuan ekonomi negara-negara Asia Pasifik.

takrif yang sudah ketinggalan walaupun ditetapkan oleh Bank Dunia.

Maksud

Dan di sinilah letaknya hubungkait kedua-dua kejutan dan maksud sebenar di sebalik ungkapan kata-kata yang meminta Jepun menjadi pemimpin kepada kemajuan ekonomi negara rantau Asia Pasifik.

Malaysia tenhmya mempunyai alasan yang uraktikal apabila Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu rakan sejawatnya Encik K. Miyazawa bahawa ukuran yang diamalkan bagi meluluskan permohonan pinjaman, walaupun ditetapkan oleh Bank Dunia, adalah sesuatu yang lama dan perlu dipinda untuk menepati realiti masakini.

Syarat kelulusan dan takrif sesebuah negara berpendapatan rendah di bawah AS\$2,300 penda-

dibangkitkan mempunyai pertalian khususnya dalam definisi ekonomi dan politik.

Soal Jepun menjadi pemimpin dalam kemajuan ekonomi Asia Pasifik mungkin mempunyai hubungkait dengan keengganannya menyokong Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan oleh Malaysia kerana mendapat tekanan dari Amerika.

Ada yang berpendapat 'kejutan' itu sebagai satu alternatif atau jalan lencong baru ke arah memberi sokongan dalam bentuk yang berlainan kepada EAEC.

Atau ia sekurang-kurangnya secara halus mengingatkan Jepun bahawa negara rantau ini adalah pembekal bahan mentah yang besar untuk memenuhi keperluan industrinya walaupun Amerika adalah pasaran terbesar hasil keluarannya.

Meminda

Dan menyetujui saranan meminda syarat kelulusan pinjaman pula mungkin membahayakan suaranya kepada Bank Dunia dan lebih daripada itu menjejaskan suasana politik Jepun sendiri, lebih-lebih lagi Encik K. Miyazawa bahu saja menjadi Perdana Menteri dan perlu lebih berhati-hati.

Bagaimanapun, untuk menjadi jalan selamat bagi Jepun dan menjaga kepentingan ekonomi Malaysia, tentu tidak salah kalau dikatakan kita masih mempunyai forum untuk meminda kepincangan syarat kelulusan pinjaman Jepun.

Salah satu daripadanya ialah menuvuarakan syarat yang tidak membayangkan tarif sebenar dalam realiti hari ini kepada Bank Dunia supaya dapat dibincangkan oleh ahli-ahlinya.